

“MAULIDUR RASUL SAW”

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ

الْمُشْرِكُونَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ

يَا حَسَانَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Hari ini 12 Rabiul Awal 1439H adalah hari keputeraan junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Walaupun Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah meninggalkan kita lebih 1,400 tahun yang lalu, namun kecintaan kita kepada Baginda masih segar seolah-olah Baginda masih hidup dan sentiasa berada bersama kita. Sebagai seorang mukmin kita wajib mencintai Allah Subhanahu wa-Taala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lebih daripada segala-galanya.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam Surah Ali Imran, ayat 31:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ
رَحِيمٌ

Yang bermaksud: “Katakanlah: Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Orang yang mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah tinggi kedudukan imannya dan sentiasa sabar menghadapi ujian dalam kehidupannya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi bahawa Abdullah bin Mughaffal r.a. berkata:

“Seseorang telah datang menemui Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan berkata: “Demi Allah, saya sangat kasih kepadamu, wahai Rasulullah”. Jawab Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : “Perhatikan benar-benar perkataanmu itu”. Orang itu berkata: “Demi Allah, saya cinta kepadamu, wahai Rasulullah (diulangi sehingga tiga kali)”. Maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: “Jika benar kamu cinta-kasih kepadaku, maka bersiap-sedialah menghadapi kemiskinan, kesusahan, persiapkan dirimu dengan baju (benteng

iman) yang kukuh (agar dapat menghadapi segala kemungkinan susah-payah), kerana kemiskinan, susah-payah itu lebih cepat datangnya kepada orang yang cinta-kasih kepadaku lebih pantas daripada air banjir ke dalam jurang.

Sebagai contoh seorang Sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bernama Suhaib bin Sinan. Dia adalah seorang yang tidak memiliki apa-apa sewaktu sampai ke Mekah. Selepas itu beliau menjadi seorang kaya-raya. Sewaktu dia berhijrah ke Madinah, Suhaib dipaksa meninggalkan segala kekayaannya di Mekah dan dia sampai ke Madinah dalam keadaan sangat miskin. Lalu dia berjumpa dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Baginda mendoakannya, “Beruntunglah Suhaib...Beruntunglah Suhaib”.

Inilah bukti kebenaran iman dan cinta seorang muslim yang sejati kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melebihi daripada cintanya kepada harta benda sehingga akhirnya dia juga mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Cuba perhatikan umat Islam pada hari ini, adakah kecintaan mereka kepada Allah dan Rasul-Nya sama sebagaimana para sahabat yang dahulu? Sebahagian daripada kita mengaku mencintai Allah dan Rasul-Nya tetapi pada masa yang sama mereka mendahulukan hawa nafsu melebihi perintah Allah Subhanahu wa-Taala dan Rasul-Nya. Berapa ramai yang sanggup memenuhi masjid apabila laungan azan berkumandang? Berapa ramai yang sanggup

mengorbankan harta bendanya membantu saudara mara, jiran tetangga dan umat Islam yang susah? Bahkan mereka tanpa segan silu mengutamakan kepentingan diri daripada kepentingan agama.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Program sambutan Maulidur Rasul hendaklah disemarakkan sepanjang tahun terutamanya pada bulan Rabiul Awwal ini. Antara pengisian sambutan Maulidur Rasul hendaklah memperbanyakkan berselawat kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan menghidupkan kembali majlis berzanji dan marhaban serta menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan seharian. Malahan ajarlah generasi muda supaya mereka juga tertarik dengan berzanji dan marhaban yang isi kandungannya menceritakan kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini adalah antara cara untuk mendekatkan kita kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam Sahih Imam al-Bukhari Anas meriwayatkan yang Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Yang bermaksud: *Tidak sempurna iman salah seorang daripada kamu sehingga aku lebih dikasihinya daripada bapa dan anaknya serta manusia seluruhnya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Marilah kita bersama-sama memperbanyakkan selawat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasai:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang berselawat ke atasku dengan sekali selawat, maka Allah Subhanahu wa Taala akan berselawat ke atasnya sepuluh kali.*

Dalam sebuah hadis lagi yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلَاةً

Yang bermaksud: *Manusia yang paling utama bagiku pada hari kiamat nanti ialah mereka yang paling banyak berselawat ke atasku.*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ

عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Yang bermaksudnya: *Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang yang beriman.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.